



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

22 OKTOBER 2024 (SELASA)

Lelaki Didakwa Biarkan Arnab Peliharaan Mati Kelaparan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Mahkamah	Online	22 Okt



Shairazi mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ipoh atas pertuduhan tidak memberi makan arnab peliharaan sehingga mati. -NSTP

IPOH: Seorang lelaki didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas pertuduhan tidak memberi makan arnab peliharaan sehingga mati.

Bagaimanapun, tertuduh Shairazi Jamal Hatun, 43, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Azizah Ahmad.

Berdasarkan pertuduhan, lelaki itu didakwa cuai untuk menyediakan makanan dan minuman bagi dua arnab kepunyaannya sehingga menyebabkan seekor

daripadanya mati dan seekor lagi dalam keadaan terlalu kurus.

Dia dituduh melakukan perbuatan itu di dalam kawasan zoo haiwan peliharaan di Jalan Simpang Pulai, Kampung Kepayang, dekat sini, pada 11 pagi, 9 Jun tahun lalu.

Oleh itu, dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Subseksyen 29(1)(d) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum mengikut Subseksyen 29 (1) akta sama.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Roziman Awang Tahrin, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian menetapkan sebutan semula kes pada 28 November depan untuk serahan dokumen dan lantikan peguam.-

[BULETINTV3](#)

Tak Bagi Arnab Makan Hingga Mati, Peniaga Didakwa Di Mahkamah

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Nasional	Online	22 Okt



Shairazi (kanan) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen hari ini, atas pertuduhan tidak memberi makan arnab peliharaan hingga mati. - NSTP/L Manimaran

IPOH: Seorang peniaga dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas tuduhan tidak memberi makan arnab peliharaannya sehingga mati pada tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Shairazi Jamal Hatun, 43, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Azizah Ahmad.

Berdasarkan pertuduhan, lelaki itu didakwa cuai menyediakan makanan dan minuman bagi dua ekor arnab kepunyaannya sehingga menyebabkan seekor

daripadanya mati dan seekor lagi dalam keadaan terlalu kurus.

Dia dituduh melakukan perbuatan itu dalam kawasan zoo haiwan peliharaan di Jalan Simpang Pulai, Kampung Kepayang, dekat sini, pada jam 11 pagi, 9 Jun tahun lalu yang sabit kesalahan boleh

Susulan itu, dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Subseksyen 29(1)(d) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang sabit kesalahan boleh didenda

antara RM20,000 hingga RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Roziman Awang Tahrin, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian menetapkan sebutan semula kes pada 28 November depan untuk serahan dokumen dan lantikan peguam.-[BHONLINE](#)

Peniaga Didakwa Biarkan Arnab Peliharaan Mati Kelaparan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Nasional	Online	22 Okt



SHAIRAZI mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ipoh atas pertuduhan tidak memberi makan arnab peliharaan sehingga mati. FOTO L Manimaran

Ipoh: Seorang peniaga dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas pertuduhan tidak memberi makan arnab peliharaan sehingga mati.

Bagaimanapun, tertuduh Shairazi Jamal Hatun, 43, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Azizah Ahmad.

Berdasarkan pertuduhan, lelaki itu didakwa cuai untuk menyediakan makanan dan minuman bagi dua arnab kepunyaannya sehingga

menyebabkan seekor daripadanya mati dan seekor lagi dalam keadaan terlalu kurus.

Dia dituduh melakukan perbuatan itu di dalam kawasan zoo haiwan peliharaan di Jalan Simpang Pulai, Kampung Kepayang, dekat sini, pada 11 pagi, 9 Jun tahun lalu.

Oleh itu, dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Subseksyen 29(1)(d) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum mengikut

Subseksyen 29 (1) akta sama.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Roziman Awang Tahrin, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudiannya menetapkan sebutan semula kes pada 28 November depan untuk serahan dokumen dan lantikan peguam.-[MYMETRO](#)

Lelaki Didakwa Tak Beri Arnab Makan Hingga Mati

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
FMT	Tempatan	Online	22 Okt



Shairazi Jamal Hatun didakwa di Mahkamah Sesyen Ipoh atas tuduhan tidak memberi makan dan minum dua ekor arnab peliharaannya sehingga menyebabkan seekor haiwan itu mati.

PETALING JAYA: Seorang peniaga mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ipoh atas tuduhan tidak memberi makan arnab peliharaannya sehingga mati kebuluran pada tahun lalu.

Tertuduh, Shairazi Jamal Hatun, 43, membuat pengakuan itu selepas tuduhan dibacakan di hadapan Hakim Azizah Ahmad, lapor Harian Metro.

Mengikut pertuduhan, Shairazi didakwa cuai menyediakan makanan dan minuman bagi dua ekor arnab peliharaannya

sehingga menyebabkan seekor daripada haiwan itu mati kebuluran dan seekor lagi terlalu kurus.

Shairazi didakwa melakukan perbuatan itu di kawasan zoo haiwan peliharaan di Jalan Simpang Pulai, Kampung Kepayang, pada jam 11 pagi, 9 Jun tahun lalu.

Tuduhan itu dibuat mengikut Subseksyen 29(1)(d) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang sabit kesalahan boleh didenda antara RM20,000 hingga RM100,000 atau penjara maksimum tiga

tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Roziman Awang Tahrin, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudiannya menetapkan tarikh 28 Nov ini untuk serahan dokumen dan lantikan peguam.-[FMT](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR